

## Pesaka tidak hantar laporan

12 OCT 1990

Oleh RAHIME YUSOF

MAJLIS Sukan Negara (MSN) belum dapat memutuskan sama ada pesilat kebangsaan layak menerima skim hadiah kemenangan sukan selepas mencatat kejayaan cemerlang pada Kejuaraan Silat Sedunia di Amsterdam, Belanda bulan lalu.

B. Harian (M)

Ini kerana Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) belum mengemukakan laporan lengkap tentang kejayaan pesilat kebangsaan di kejuaraan itu.

Ketua pengarah MSN, Datuk Haji Kamalul Ariffin Haji Abdul Rahim, berkata: "Kami sedia menimbangkan skim hadiah kemenangan kepada pesilat kebangsaan jika mendapat laporan nanti.

Pada Kejuaraan Sedunia itu, dua pesilat negara — Ruzaidi Abdul Rahman dan Khairi Abdul Rahman, meraih pingat emas, manakala Zaleha Suradi, Nazrah Latif, Zakaria Hamzah dan Ahmad Wardi Salim memenangi pingat perak.

Jika MSN mendapati kejuaraan itu benar-benar bertaraf dunia, pemenang pingat emas layak menerima \$80,000, manakala pemenang pingat perak \$40,000.

# MOM lobi silat, gimrama dikekalkan

16 OCT 1990

B. Harian (M)

MAJLIS Olimpik Malaysia (MOM) akan memastikan silat olahraga dan gimrama yang digugurkan daripada Sukan SEA Manila tahun depan, disenaraikan semula.

Presiden MOM, Tan Sri Hamzah Abu Samah, berkata beliau akan melobi anggota majlis Persekutuan Sukan SEA (SGF) pada mesyuarat di Manila pada 8 November ini, supaya silat olahraga dan gimrama dikekalkan.

"Dua jenis sukan itu mempunyai peluang cerah disenaraikan semula pada Sukan SEA Manila kerana penyertaannya membabitkan lebih tiga negara," katanya, semalam.

Menurut beliau, silat olahraga dianggotai oleh Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia, sementara gimrama juga disertai oleh empat negara.

Tan Sri Hamzah berharap wakil majlis Olimpik negara peserta terbabit turut melobi bagi dua sukan itu untuk meyakinkan tuan rumah, Filipina supaya gimrama dan silat olahraga dipertandingkan.

Beliau berkata Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) mesti mem-



■ TAN SRI HAMZAH

beri jaminan akan memberi bantuan teknikal dan latihan bagi memastikan silat disenaraikan.

"Begitu juga dengan gimrama, memerlukan khidmat jurulatih dan teknikal daripada Persekutuan Gimnastik Malaysia (PGM) bagi memastikan ia berjalan lancar," katanya.

Beliau bagaimanapun menolak dakwaan Pesaka bahawa MOM tidak mengambil berat terhadap perkembangan silat olahraga di negara ini, sehingga tersingkir daripada Sukan SEA.

Katanya, Filipina sebagai tuan rumah Sukan SEA berhak menolak dan menyenaraikan sukan baru.

Pada mesyuarat SGF di Beijing bulan lalu, dua sukan itu digugurkan daripada acara Sukan SEA XVI di Manila, kerana tuan rumah Filipina berpendapat dua sukan itu kurang mendapat sambutan negara peserta.

Berikutan itu, Filipina menyenaraikan squash dan taekwondo serta wushu sebagai acara baru Sukan SEA di Manila, bagi menggantikan sukan seni mempertahankan diri negara itu, arnis yang pada mulanya hendak disenaraikan.

Tan Sri Hamzah berkata, keputusan mesyuarat SGF bulan lalu belum muktamad dan wakil negara peserta Sukan SEA boleh mengemukakan cadangan atau bantahan balas pada mesyuarat akan datang di Manila.